

CV RINGKAS

PROFESOR MADYA DR AHMAD FARIZ MOHAMED

fariz@ukm.edu.my



Ahmad Fariz Mohamed dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dengan pengkhususan pengurusan sisa pepejal dan berbahaya daripada Universiti Putra Malaysia pada tahun 2007. Juga dianugerahkan ijazah Sarjana Sains Alam Sekitar daripada University of East Anglia UK pada tahun 1997 dan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1994. Kini memegang jawatan Profesor Madya dan Felo Kanan di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI). Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan pengajaran lebih 24 tahun. Bidang pengkhususan dalam bidang pengurusan sisa, metabolisme bandar, dayahuni bandar dan pembangunan ekosistem industri bagi aspek kajian dasar dan sistem pengurusan. Juga menjalankan kajian dalam bidang Teknologi Bersih, Penghasilan Bersih dan Ekologi Industri. Bidang kajian yang dilakukan menjawab kepada keperluan SDG 11 (Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable) dan SDG 12 (Ensure sustainable consumption and production patterns).

Berpengalaman menyelia 8 pelajar Sarjana dan 4 daripadanya sudah lulus. Manakala untuk pelajar PhD menyelia 19 pelajar PhD dan 10 daripadanya sudah lulus. Aktif menerbitkan pelbagai bentuk penulisan dengan jumlah terkini sebanyak 180. Daripada jumlah ini telah diterbitkan 15 buah buku, 21 bab dalam buku dan 54 jurnal. Penerbitan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Telah menjalankan projek penyelidikan untuk pelbagai peringkat Kebangsaan (24 Projek Kajian) dan Antarabangsa (9 Projek Kajian) antaranya Research And Training For Measuring And Monitoring Ecosystem Health In A Large-Scale Ecosystem biaya oleh UNEP (1997-1999), Evaluation of Danish Environmental Assistance in Southeast Asia: Malaysia Chapter biaya oleh DANIDA (2002-2003), 3R Policies for Southeast and East Asia biaya oleh Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), Japan External Trade Organization (JETRO) (2010-2013) manakala diperingkat Kebangsaan Kajian Pembentukan dasar SMART SELANGOR MAMPAN 2035 untuk Kerajaan Negeri Selangor (2017-2018).

Menyumbang kepada keperluan agensi kerajaan dan juga menjadi ahli persatuan berasaskan keperluan akademik. Antara sumbangan adalah menjadi ahli Jawatankuasa Teknikal Penilaian Karbon Industri Pembinaan 2019, CIDB, ahli Jawatankuasa Teknikal Bagi Membangunkan Modul Latihan Sisa Pembinaan dan Perobohan, 2018-2019, CREAM, CIDB dan ahli TWG Penggunaan dan Pengeluaran Mampam RMK 12, 2019, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia.